

**HUBUNGAN SUNNAH ALLAH DAN PEMBINAAN  
AKHLAK DALAM KEBANGUNAN TAMADUN :  
ANALISIS TERHADAP TAMADUN ARAB ISLAM  
ZAMAN RASULULLAH**

**MANSOR BIN SULAIMAN**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**PROGRAM PENGAJIAN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2012**

## Abstrak

Sunnah Allah berkaitan tamadun merupakan suatu ketentuan Allah yang mendasari perjalanan sesebuah tamadun. Menerusi sunnah ini manusia dapat mempelajari bahawa terdapat peraturan bersifat tetap di sebalik jatuh dan bangun sesebuah tamadun iaitu akhlak masyarakat dan hubungannya dengan jatuh dan bangun tamadun. Sekiranya akhlak baik dominan dalam sesebuah masyarakat, maka implikasinya adalah kebangunan tamadun tetapi jika sebaliknya maka ia memberi implikasi kejatuhan tamadun. Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan terhadap aspek berbeza daripada di atas, iaitu dengan melihat sunnah ini sebagai suatu proses yang disediakan Allah bagi pembinaan akhlak pembina tamadun. Proses ini didasari oleh konsep *sebab-musabab* dan *masalah* sepertimana difahami menerusi petunjuk daripada nas-nas al-Quran berkaitan sunnah yang telah berlaku terhadap tamadun silam. Penelitian dalam aspek ini membawa pengkaji kepada penemuan kaedah-kaedah pembinaan akhlak tertentu petikan daripada sebalik perjalanan sunnah Allah ini. Sebagai pengukuhan kepada dapatan ini, pengkaji telah menjadikan tamadun Arab Islam zaman Rasulullah sebagai analisis perbandingan. Pemilihan zaman ini adalah atas dasar ia merupakan zaman perintis kepada perkembangan tamadun Islam di samping dipimpin oleh Rasulullah, individu yang paling memahami sunnah Allah. Bagi merealisasikan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya, dimulakan dengan usaha mengenalpasti asas-asas yang mendasari perjalanan sunnah ini yang boleh dikaitkan dengan pembinaan akhlak menerusi nas-nas al-Quran dan juga kajian-kajian berkaitan bidang ini. Seterusnya pengkaji menganalisis dapatan kajian di atas dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah serta teori-teori berkaitan pembinaan akhlak yang berkenaan. Menerusi analisis ini, pengkaji membina sebuah kerangka pembinaan akhlak dan membandingkannya dengan realiti yang dilalui oleh masyarakat Arab Islam zaman Rasulullah. Menerusi perbandingan ini, pengkaji dapat melihat kerangka tersebut turut berlaku pada zaman tersebut sehingga menghasilkan manusia-manusia yang memiliki akhlak pembina tamadun. Di samping itu, pengkaji juga mendapati kaedah-kaedah pembinaan akhlak yang dapat dipetik daripada perjalanan sunnah Allah secara umum juga turut berlaku pada zaman ini. Antara lain kaedah-kaedah tersebut adalah penyucian jiwa, pengisian jiwa, latihan praktikal akhlak dan pemeliharaan akhlak.

## Abstract

*Sunnah Allah* towards any civilization is predestined by *Allah* which forms the base of any civilization. Through this *Sunnah*, man is able to learn that there are regulated rules underlying the rise and fall of any civilization which are the *akhlaq* of the society. If good *akhlaq* is dominant in a society, it helps to develop the civilization. On the other hand, a morally decayed society will result in a fall of a civilization. In this study, the researcher focuses on a different angle, that is, by looking at the *Sunnah* as a process laid down by Allah to build the *akhlaq* of the people who in return, develop and shape their civilization. This process is rooted from the concept of cause-and-effect and *masalahah* which has to be understood through the evidence from *al-Quran* relayed through the *Sunnah* from the past civilization. Close observation in this aspect brings the researcher to the revelations of the methods that discuss *akhlaq* building, extracted from the path of Allah's *sunnah*. As a sound evident to this finding, the researcher uses the Arabic civilization, with *Rasulullah's* era as a comparative analysis. The choice of this era is based on the fact that it pioneered the expansion of civilization, other than the fact that it was led by *Rasulullah* himself who was the person with sound understanding of the *Sunnah Allah*. This study uses the qualitative method where the basics that underlie the *Sunnah* can be tied up with the *akhlaq* development through the evidence from *al-Quran* and other studies related to this scope of study are determined. Next, the researcher analyses the findings above in line with the evidence from *al-Quran* and *Sunnah*, including the theories related to the particular *akhlaq* development. Through this analysis, the researcher creates a framework of *akhlaq* development and compares it with the Arab Muslims' community during *Rasulullah's* era. Through this comparison, the researcher is able to see that the framework fits that particular era which had successfully produced people with an example of the *akhlaq* of a civilization developer. Besides, the researcher also finds that the methods in *akhlaq* development extracted from the route of *Sunnah Allah* generally, also happens today. Among others are, purification of one's soul, soul searching, application of good *akhlaq* and also being watchful of one's *akhlaq*.

## DAFTAR KANDUNGAN

Perakuan Keaslian Penulisan.....	iii
Abstrak.....	iv
Penghargaan.....	vi
Daftar Kandungan.....	viii
Senarai Gambarajah.....	xii
Senarai Singkatan.....	xiii
Sistem Transliterasi Huruf Arab.....	xiv
BAB 1: PENGENALAN .....	1
1.0. Pengenalan.....	1
1.1. Latarbelakang masalah.....	3
1.2. Pernyataan masalah.....	5
1.3. Objektif kajian.....	7
1.4. Kepentingan kajian.....	7
1.5. Skop kajian.....	8
1.6. Definisi tajuk.....	10
1.7. Kajian literatur.....	11
1.8. Metodologi kajian.....	16
BAB 2 : SUNNAH ALLAH MENGENAI KEBANGUNAN TAMADUN MENURUT AL-QURAN .....	20
2.0.Pendahuluan.....	20
2.1. Definisi <i>sunnah Allah</i> .....	20
2.1.1. Bahasa.....	20
2.1.2. Istilah.....	23
2.1.3. Penjelasan berkenaan <i>Sunnah Allah</i> menerusi al-Qurān.....	25
2.1.3.1. Penjelasan secara langsung.....	25
2.1.3.2. Penjelasan secara tidak langsung.....	31
2.2. Pembahagian <i>sunnah</i> menerusi al-Qurān.....	33
2.2.1. <i>Sunnah al-Kauniyah</i> .....	33
2.2.2. <i>Sunnah al-Insāniyyah</i> .....	34
2.2.2.1. <i>Sunnah</i> terbitan daripada <i>Sunnah al-Insāniyyah</i> .....	37
2.3. Konsep tamadun menurut al-Qurān.....	39
2.3.1. Definisi tamadun.....	39
2.3.2. Istilah tamadun menerusi al-Qurān.....	42
2.4.Kebangunan tamadun mengikut perspektif al-Qurān.....	47
2.4.1. Kebangunan tamadun menurut al-Qurān.....	49
2.4.2. Manusia penyumbang kebangunan tamadun.....	56
I. Nas-nas berkenaan <i>sunnah</i> kejayaan / kemenangan.....	57
II. Nas-nas berkenaan pewarisan dunia ( <i>Warathat al-Ard</i> ).....	61
III. Nas-nas berkenaan <i>Sunnah al-<sup>c</sup>Iqāb</i> .....	65
IV. Nas berkenaan <i>Sunnah al-Istikhlāf</i> dan <i>Sunnah al-Tamkīn</i> .....	68
2.4.3. Akhlak utama penyumbang kebangunan tamadun.....	72

2.5. Sunnah Allah dan kebangunan tamadun.....	73
2.5.1. Perjalanan sunnah kebangunan tamadun.....	75
2.5.2. Asas perjalanan sunnah kebangunan tamadun.....	77
2.5.2.1. Sebab dan <i>musabbab</i> sebagai asas.....	78
2.5.2.2. Aplikasi sebab dan <i>musabbab</i> dalam sunnah kebangunan tamadun.....	81
I. Kejayaan manusia mempunyai sebab-sebab yang membawa kepada kejayaan tersebut.....	81
II. Kehancuran manusia disebabkan mereka melakukan sebab-sebab yang membawa kehancuran.....	82
III. Sebab-sebab tertentu disediakan Allah kepada manusia sebelum kejayaan atau kehancuran tamadun.....	84
2.5.2.3. <i>Maşlahah</i> di sebalik sebab dan <i>musabbab</i> .....	88
2.5.3. Ciri-ciri sunnah kebangunan tamadun.....	91
2.5.3.1. <i>Shumūl</i> .....	91
2.5.3.2. <i>Thabāt</i> .....	95
2.6. Kesimpulan.....	97
<b>BAB 3 : SUNNAH ALLAH DAN PEMBINAAN AKHLAK .....</b>	<b>99</b>
3.0. Pendahuluan.....	99
3.1. Konsep akhlak .....	99
3.1.1. Definisi akhlak .....	99
3.1.2. Asas penentuan akhlak menurut Islam.....	102
3.1.3. Kepentingan akhlak dalam Islam.....	103
3.2. Pembinaan akhlak menerusi Sunnah Allah.....	106
3.2.1. Konsep pembinaan akhlak .....	106
3.2.2. Pembinaan akhlak menerusi perspektif Sunnah Allah.....	107
3.3. Teori-teori bangun-jatuh tamadun berkaitan pembinaan akhlak.....	108
3.3.1. Pengenalan teori-teori bangun-jatuh tamadun.....	109
I. Teori kitaran tamadun Ibn Khaldūn .....	109
II. Teori tindak balas dan cabaran Arnold Toynbee.....	114
III. Teori kitaran tamadun Malik Bin Nabi.....	118
3.3.2. Kesimpulan teori.....	122
3.4. Elemen pembinaan akhlak daripada Sunnah Allah.....	124
3.4.1. Persekitaran.....	126
3.4.1.1. Pengaruh persekitaran dalam pembentukan akhlak.....	127
3.4.1.2. Bentuk-bentuk persekitaran.....	131
I. Kesukaran.....	131
II. Kesenangan.....	135
III. Silih berganti antara susah dan senang.....	138
3.4.1.3. Proses pembinaan akhlak menerusi persekitaran.....	142
I. Akhlak yang lahir menerusi tekanan dan cabaran.....	143
II. Akhlak yang lahir daripada keinginan mendapatkan kesejahteraan hidup.....	147
III. Akhlak yang lahir hasil daripada fitrah keinginan berakidah.....	150

3.4.2. Perutusan rasul.....	154
3.4.2.1. Perutusan rasul sebagai Sunnah Allah.....	154
3.4.2.2. Perutusan rasul sebagai pelengkap Sunnah Allah dalam bentuk persekitaran.....	157
3.4.2.3. Perutusan rasul dan pembinaan akhlak.....	161
3.5. Sunnah Allah dan teori-teori pembinaan akhlak.....	166
3.6. Kesimpulan.....	172

## BAB 4 SUNNAH ALLAH TERHADAP MASYARAKAT ARAB ISLAM ZAMAN RASULULLAH .....

4.0. Pendahuluan.....	175
4.1. Latarbelakang zaman Rasulullah.....	176
4.1.1. Latarbelakang masyarakat dunia (selain Arab) sebelum perutusan.....	176
4.1.2. Latarbelakang masyarakat Arab sebelum perutusan.....	179
4.1.2.1. Masyarakat Arab Makkah.....	180
4.1.2.2. Masyarakat Arab Madīnah.....	184
4.1.2.3. Masyarakat Arab secara umum.....	186
4.1.3. Latarbelakang masyarakat Arab dan Sunnah Allah.....	189
4.2. Sunnah Allah pada zaman Rasulullah.....	194
4.2.1. Sunnah perutusan rasul.....	196
4.2.2. Sunnah Allah pada peringkat Makkah ( <i>Makkiyah</i> ).....	201
4.2.2.1. Sunnah Allah terhadap golongan beriman.....	201
4.2.2.1.1. Kesukaran.....	201
I. Tekanan kafir Quraysh terhadap Rasulullah.....	203
II. Tekanan kafir Quraysh terhadap penyokong dakwah.....	207
III. Tekanan dalam bentuk suasana dan keadaan.....	210
4.2.2.1.2. Kesenangan.....	212
I. Penurunan nas-nas berbentuk motivasi.....	212
II. Pertolongan Allah dalam berhadapan dengan musuh.....	216
III. Program khusus untuk Rasulullah.....	219
4.2.2.2. Sunnah Allah terhadap golongan kafir.....	220
4.2.2.2.1. Kesenangan.....	222
4.2.2.2.2. Kesukaran.....	224
4.2.3. Sunnah Allah pada peringkat Madīnah ( <i>Madaniyah</i> ).....	228
4.2.3.1. Sunnah Allah terhadap golongan beriman.....	228
4.2.3.1.1. Kesukaran.....	230
I. Perubahan suasana.....	231
II. Perubahan bentuk pertembungan.....	234
III. Penurunan syariat.....	240
4.2.3.1.2. Kesenangan.....	242
4.2.3.2. Sunnah Allah terhadap golongan kafir.....	244
4.3. Kesimpulan.....	245

BAB 5 : SUNNAH ALLAH TERHADAP MASYARAKAT ARAB ISLAM ZAMAN RASULULLAH DAN PEMBINAAN AKHLAK .....	248
5.0. Pendahuluan.....	248
5.1. Hubungan Sunnah Allah dan pembinaan akhlak sebelum era perutusan.....	249
5.2. Hubungan Sunnah Allah dan pembinaan akhlak ketika era perutusan.....	252
5.2.1. Pengenalan asas proses pembinaan akhlak menerusi nas-nas berkenaan Sunnah Allah.....	254
5.2.1.1. Pengenalan aliran proses pembinaan akhlak.....	256
5.2.1.1.1. Pembentukan pemikiran yang benar.....	257
5.2.1.1.2. Menghubungkan pemikiran dengan akidah.....	264
5.2.1.1.3. Menggerakkan pemikiran sehingga peringkat <i>iqnā'</i> .....	268
5.2.1.1.4. Menjelaskan akhlak-akhlak yang diperlukan dalam pembinaan tamadun.....	270
5.2.1.2. Panduan berkenaan persediaan dan strategi pembinaan akhlak.....	273
5.2.1.2.1. Penjelasan tabiat perjalanan dakwah.....	275
5.2.1.2.2. Penjelasan hakikat manusia.....	279
5.2.1.2.3. Penjelasan pendekatan-pendekatan <i>tarbiyyah</i> .....	280
5.2.2. Pembelajaran pembinaan akhlak berpandukan wahyu.....	283
5.2.2.1. Panduan wahyu dan realiti dihadapi golongan beriman pada peringkat Makkah.....	284
I. Panduan pembentukan asas iman dan <i>akhlak imānīyah</i> .....	284
II. Panduan pengukuhan serta pembuktian iman dan <i>akhlak imānīyah</i> .....	288
5.2.2.2. Panduan wahyu dan realiti dihadapi golongan kafir pada peringkat Makkah.....	292
5.2.2.3. Panduan wahyu dan realiti dihadapi golongan beriman pada peringkat Madinah.....	296
I. Panduan pengukuhan iman menerusi peristiwa yang berlaku.....	297
II. Panduan pembelajaran dan pembentukan akhlak pembina tamadun.....	303
5.2.2.4. Panduan wahyu dan realiti dihadapi golongan kafir pada peringkat Madinah.....	308
5.2.3. Pemeliharaan dan pengukuhan akhlak pembina tamadun.....	310
5.3. Kaedah pembinaan akhlak daripada Sunnah Allah.....	314
5.3.1. Kerangka perjalanan Sunnah Allah dan pembinaan akhlak.....	314
5.3.2. Kesan tindak balas terhadap Sunnah Allah.....	316
5.3.3. Analisis kaedah pembinaan akhlak daripada Sunnah Allah.....	318
5.3.3.1. Kaedah-kaedah pembinaan akhlak.....	318
5.3.3.2. Perincian kaedah-kaedah pembinaan akhlak.....	323
I. Penyediaan / penyucian jiwa.....	323
II. Pengisian jiwa.....	325
III. Pengisian jiwa dan latihan praktikal .....	327
IV. Pemeliharaan.....	328
5.3.3.3. Rumusan kaedah-kaedah pembinaan akhlak.....	330
5.4. Kesimpulan.....	333
 BAB 6: KESIMPULAN DAN CADANGAN.....	 335
6.0. Kesimpulan dan cadangan.....	335
6.1. Cadangan kajian akan datang.....	340
 Bibliografi.....	 342

## **SENARAI GAMBARAJAH**

Gambarajah 1: Teori proses pembinaan akhlak menerusi Sunnah Allah.....	125
Gambarajah 2 : Carta alir kaedah-kaedah pembinaan akhlak.....	323
Gambarajah 3: Kaedah pembinaan akhlak daripada perjalanan Sunnah Allah yang dilalui masyarakat Arab zaman Rasululullah.....	333



## SENARAI SINGKATAN

s.w.t.	Subhanahu wa Ta'ala
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
h.	Halaman (Muka surat)
c.	Cetakan
t.tp.	Tanpa Tempat
t.th.	Tanpa Tarikh
t.p.	Tanpa Penerbit
Terj.	Terjemahan
Ed.	Edisi / Edition
Dr.	Doktor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

## SISTEM TRANSLITERASI HURUF ARAB

Transliterasi yang digunakan ialah berdasarkan kepada kaedah transliterasi yang digunakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

### Konsonan

ا	(alif)	a
ب	(ba')	b
ت	(ta')	t
ث	(tha')	th
ج	(jim)	j
ح	(ha')	h
خ	(kha')	kh
د	(dal)	d
ذ	(zal)	dh
ر	(ra')	r
ز	(zay)	z
س	(sin)	s
ش	(shim)	sh
ص	(sad)	ṣ
ض	(dad)	ḍ
ط	(ta')	ṭ

ظ	(za')	z
ع	('ayn)	°
غ	(ghyn)	gh
ف	(fa')	f
ق	(qaf)	q
ك	(kaf)	k
ل	(lam)	l
م	(mim)	m
ن	(nun)	n
و	(waw)	w
ه	(ha')	h
ي	(ya')	y
ة	(ta' marbutah) h (ketika dimatikan bunyinya) t (ketika dihidupkan bunyinya)	

Dalam sistem vokal °Arab ada vokal pendek, panjang dan diftong.

Vokal pendek

ا \_\_\_\_\_ = a

ي \_\_\_\_\_ = i

و \_\_\_\_\_ = u

## Vokal panjang

Semua vokal atau *mad* (di atas, di bawah dan di hadapan) ditanda dengan

ا \_\_\_\_\_ = a

ي \_\_\_\_\_ = i

و \_\_\_\_\_ = u

## Vokal Diftong

Diftong huruf yang berbaris di atas bersambung dengan huruf ya (ي) dan (و) yang berbaris mati

ي \_\_\_\_\_ = ay

و \_\_\_\_\_ = aw

# **BAB 1 :**

## **PENGENALAN**

### **1.0. PENGENALAN**

Sunnah Allah merupakan suatu peraturan atau ketentuan Allah yang mendasari perjalanan jatuh dan bangun sesebuah tamadun. Sunnah ini telah dijelaskan Allah dalam banyak tempat dalam al-Qurān terutama sekali nas-nas yang turun pada peringkat Makkah. Oleh kerana itu, terdapat ramai pengkaji dan penulis yang menghuraikan persoalan sunnah ini sehingga terhasil beberapa teori berkaitan jatuh dan bangun tamadun manusia yang bersandarkan kepada kefahaman berkenaannya. Begitu juga terdapat laras-laras ilmu tertentu dalam bidang kemasyarakatan yang dikaji oleh pengkaji-pengkaji termasuk dari barat bertepatan dengan perkara-perkara yang termaktub dalam sunnah yang dikemukakan al-Qurān ini. Selain itu, banyak juga teori berkaitan sunnah Allah ini diutarakan pengkaji-pengkaji berdasarkan penelitian terhadap perjalanan hidup manusia dan tamadun itu sendiri. Walaupun begitu, ia tidak bercanggah dengan kenyataan al-Qurān berhubung perkara tersebut malahan membuktikan kebenaran al-Qurān. Antara perkara yang sering dibincangkan dalam persoalan Sunnah Allah ini adalah berkaitan hubungan antara akhlak dan kejatuhan atau kebangunan masyarakat dan tamadun manusia. Walaupun begitu, pengkaji mendapati bahawa terdapat ruang yang masih belum banyak disentuh oleh para pengkaji iaitu berkaitan sejauh mana Sunnah Allah ini menjadi penolak kepada pembentukan akhlak yang membawa kepada jatuh atau banggunya sesebuah tamadun.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan cuba memberi fokus terhadap hubungan sunnah Allah dan pembinaan akhlak yang membawa kepada kebangunan tamadun itu sendiri. Perkara ini dikemukakan pengkaji berdasarkan penelitian terhadap nas-nas al-Qurān berkaitan Sunnah Allah itu sendiri yang menunjukkan bahawa ia memberi kesan tertentu kepada jiwa, tingkah laku bahkan akhlak manusia itu sendiri. Kesan ini seterusnya memberi kesan kepada kebangunan atau pun kejatuhan sesebuah masyarakat dan tamadun manusia. Perkara yang sama boleh difahami secara tidak langsung menerusi penelitian terhadap teori-teori kitaran atau pemeringkatan tamadun yang dikemukakan oleh beberapa orang sarjana seperti Ibnu Khaldūn, Malik Bin Nabi, Arnold Toynbee dan sebagainya. Walaupun begitu, pengkaji akan cuba untuk meneliti perkara ini sehingga kepada peringkat mendapatkan kaedah-kaedah tertentu yang menolak kepada pembentukan akhlak di sebalik sunnah ini.

Di samping itu, bagi mengukuhkan kajian ini maka pengkaji akan cuba menganalisis kaedah-kaedah yang divedok daripada sunnah ini dalam perjalanan kebangunan tamadun Arab Islam pada zaman Rasulullah. Pemilihan zaman ini disebabkan ia merupakan zaman manusia dipimpin oleh rasul terakhir yang dibekalkan dengan pengetahuan yang paling lengkap berkenaan Sunnah Allah. Ia secara tidak langsung dapat membawa kepada pemahaman berkenaan bagaimana berinteraksi dengan Sunnah Allah itu sendiri mengikut cara yang sepatutnya sehingga mencapai kebangunan tamadun. Zaman ini juga dipilih berdasarkan keunikan masyarakat Arab yang boleh berubah dengan begitu cepat daripada masyarakat badwī-jāhiliyah kepada masyarakat Islam bertamadun. Ia seterusnya menjadi kuasa baru dalam kepimpinan tamadun dunia dan dalam jangka masa yang singkat

meninggalkan tamadun-tamadun sezaman seperti tamadun Farsi, Rom dan sebagainya jauh ke belakang.

## **1.1. LATARBELAKANG MASALAH**

Kajian ini dikemukakan hasil penelitian penulis terhadap penulisan-penulisan berkenaan Sunnah Allah terhadap tamadun dan juga beberapa tulisan berkenaan teori kitaran dan perjalanan tamadun yang dikemukakan oleh beberapa pengkaji. Menerusi penelitian tersebut menunjukkan bahawa di sebalik setiap pembangunan atau kejatuhan tamadun ada sunnah atau peraturan tertentu yang menjadi landasan kepada ketentuan tersebut. Landasan tersebut pula dilihat bermula jauh sebelum kebangunan atau kejatuhan tersebut berlaku. Justeru, pengkaji melihat bahawa landasan itu menimbulkan pelbagai persoalan untuk dikaji. Oleh kerana itu, salah satu daripada persoalan tersebut ialah bagaimana landasan ini menjadi penolak kepada pembentukan akhlak tertentu. Di samping itu, perjalanan sunnah ini juga menunjukkan bahawa manusia sebagai pemain peranan utama dalam pembangunan atau pun kejatuhan sesebuah tamadun.

Berdasarkan perkara di atas, penulis menjangkakan bahawa perjalanan sunnah itu sendiri memberi kesan kepada pembinaan akhlak manusia. Penulis melihat perkara ini berdasarkan penelitian penulis terhadap nas-nas berkaitan yang berkisar berkenaan peristiwa-peristiwa tertentu dalam jatuh dan bangun masyarakat dan tamadun manusia yang disebut secara berulang dan konsisten. Antaranya seperti perulangan penjelasan berkenaan kesukaran sebelum pencapaian tahap tertentu dalam tamadun silam, begitu juga pemberitahuan

berkenaan keadaan bertukar ganti antara susah dan senang yang dilalui oleh sesebuah kaum sebelum diutuskan kepada mereka rasul, pertembungan golongan benar dan batil dalam sesebuah tamadun dan sebagainya. Selain itu, tinjauan penulis terhadap tulisan-tulisan yang berkaitan dengan sejarah tamadun juga menunjukkan bahawa keadaan-keadaan seperti di atas berlaku dalam perjalanan sesebuah tamadun sebelum mencapai tahap terhebat dalam tamadun atau pun kejatuhan mereka. Kesemua perkara ini membawa penulis terpenggil untuk melihat segala peristiwa ini sebagai suatu ketentuan Allah yang mempunyai hikmah tersendiri terhadap pembangunan tamadun manusia. Antara hikmah tersebut adalah ia secara tidak langsung sebagai proses yang menolak kepada pembentukan akhlak manusia pembina atau peruntuh tamadun.

Seterusnya bagi menjelaskan persoalan tersebut, maka penulis cuba untuk meninjau perkara ini menerusi perjalanan sunnah Allah yang dilalui oleh sesebuah generasi di samping penelitian terhadap nas-nas berkaitan seperti di atas. Oleh itu, pengkaji cuba melihat keselarian penjelasan nas-nas tersebut dengan peristiwa sejarah secara praktikal yang berlaku dalam pembinaan tamadun Islam terawal iaitu tamadun Arab Islam pada zaman Rasulullah. Ia disebabkan zaman ini dilihat sebagai zaman paling asas untuk dijadikan rujukan memandangkan pembinaan tamadun pada ketika itu dipimpin oleh Rasulullah sendiri berbanding zaman selepas itu.



## 1.2. PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini antara lainnya dikemukakan berasaskan kepada persoalan unsur penolak kepada pembentukan atau pembinaan akhlak di sebalik perjalanan Sunnah Allah terhadap tamadun sepertimana tersebut di atas. Pemfokusan terhadap persoalan ini adalah merujuk kepada keperluan semasa pada hari ini terhadap penyelesaian kepada persoalan keruntuhan akhlak dan kelemahan umat Islam dalam kepimpinan tamadun dunia. Pengkaji melihat bahawa kedua-dua permasalahan ini sangat berhubung kait antara keduanya sepertimana hubungan antara akhlak dengan kebangunan atau kejatuhan tamadun yang berada di sebalik Sunnah Allah terhadap tamadun yang dikemukakan al-Qurān.

Selain daripada itu, kajian ini juga dikemukakan memandangkan banyak pihak telah menyedari kepentingan manusia berkualiti dalam pembangunan tamadun manusia. Di antaranya, kerajaan Malaysia sendiri pada hari ini menekankan aspek ini menerusi agenda pembangunan modal insan. Ia dapat dilihat melalui pelaburan dalam modal insan yang diberi penekanan lebih besar sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)<sup>1</sup> melalui usaha membangunkan modal insan yang holistik, lengkap dengan pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai nilai moral dan etika yang utuh. Kajian juga mendapati bahawa kebanyakan organisasi telah menekankan kepentingan aspek nilai-nilai positif dalam organisasi mereka<sup>2</sup>.

Berdasarkan perkara di atas maka pengkaji cuba mengupas persoalan pembangunan akhlak yang dapat memberikan sumbangan yang besar kepada pembinaan tamadun umat Islam

---

<sup>1</sup> Noor Azlan Ghazali (2006): "Modal Insan Berkualiti Aset Besar Negara". Berita Harian, 31 Mac.

<sup>2</sup> Mokhtar Abdullah et al, (2003), *Value-Based Total Performane Excellence Model: Beseline Assesment Criteria Guidelines For Organisations*, c.1, Kuala Lumpur: JAKIM, h. 23.

berasaskan asas dan sumber yang bersifat fundamental. Ia bertujuan agar kajian ini dapat menjadi asas kepada kajian-kajian yang lebih terperinci dan bersifat praktikal selepas ini. Justeru, kajian ini dikemukakan dengan menjadikan Sunnah Allah sepertimana dikemukakan al-Qurān sebagai sumber utama dalam mendapatkan kaedah pembangunan akhlak manusia yang menggerakkan kebangunan tamadun dan seterusnya menjadikan tamadun Arab Islam zaman Rasulullah s.a.w. sebagai subjek kajian aplikasi pembangunan akhlak manusia tersebut. Pemilihan zaman ini adalah atas dasar ia merupakan zaman perintis kepada perkembangan tamadun Islam yang seterusnya selepas itu. Berikut beberapa persoalan yang cuba dihuraikan penulis:

1. Apakah konsep Sunnah Allah yang berkaitan dengan tamadun, khususnya berkaitan dengan kebangunan tamadun?
2. Adakah perjalanan Sunnah Allah mencetus proses pembinaan akhlak yang menolak kepada kebangunan tamadun?
3. Bagaimana perjalanan Sunnah Allah menggerakkan proses pembinaan akhlak?
4. Bagaimana mendapatkan keselarian antara proses pembinaan akhlak yang diperolehi daripada kajian terhadap Sunnah Allah di atas dengan pembinaan akhlak yang menjurus kepada kebangunan tamadun dalam masyarakat Arab zaman Rasulullah?
5. Apakah kaedah pembinaan akhlak yang boleh dikeluarkan daripada Sunnah Allah ini?

### **1.3. OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengenalpasti konsep Sunnah Allah berkaitan perjalanan tamadun manusia yang dikemukakan al-Qurān.
2. Mengenalpasti hubungan antara akhlak dan kebangunan tamadun menurut perspektif Sunnah Allah.
3. Mendapatkan mekanisme pembinaan akhlak manusia yang berpotensi dan berkeupayaan membangunkan tamadun manusia menerusi panduan yang ditunjukkan daripada Sunnah Allah.
4. Mengenalpasti hubungan antara proses pembinaan akhlak menerusi Sunnah Allah (teori) dengan realiti yang berlaku dalam pembangunan tamadun Arab Islam zaman Rasulullah (aplikasi).
5. Mengemukakan kaedah pembinaan akhlak yang diperlukan dalam pembangunan tamadun manusia berasaskan kepada proses pembinaan akhlak menerusi analisis teori dan aplikasi di atas.

### **1.4. KEPENTINGAN KAJIAN**

- 1.4.1. Kajian ini boleh menjadi panduan dalam memahami persekitaran yang melingkungi manusia dan kesannya terhadap akhlak manusia.
- 1.4.2. Kajian ini boleh dijadikan rujukan dalam proses pembinaan peribadi manusia yang dapat memberikan sumbangan kepada negara dan kesinambungan tamadun Islam itu sendiri.

- 1.4.3. Kajian ini boleh dijadikan asas kepada pembinaan modul-modul pembangunan akhlak yang berdaya saing dalam pembangunan institusi dan negara.
- 1.4.4. Kajian ini boleh dijadikan panduan umum dalam mengenal pasti kedudukan masyarakat negara ini sama ada berada di atas landasan menuju kebangunan tamadun atau pun kehancuran sepertimana ditunjukkan menerusi Sunnah Allah.

## **1.5. SKOP KAJIAN**

Kajian ini ditumpukan kepada bagaimana mendapatkan suatu proses sistematik pembinaan akhlak yang diperlukan dalam pembangunan tamadun menerusi kajian dan analisis perjalanan Sunnah Allah berkaitan kebangunan tamadun menurut al-Qurān serta realiti tamadun Arab Islam zaman Rasulullah. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini akan didahulukan dengan kajian terhadap konsep Sunnah Allah berkaitan tamadun yang dikemukakan al-Qurān dengan penekanan untuk mendapatkan pengetahuan berkenaan perjalanannya yang menjurus ke arah pembinaan akhlak manusia. Antara lain tumpuan pengkaji adalah terhadap nas-nas al-Qurān yang berkaitan sunnah ini meliputi nas-nas berkaitan tamadun menurut al-Qurān, kisah sejarah silam yang berkenaan serta nas-nas berkaitan konsep asas perjalanan sunnah ini sendiri. Pada peringkat ini juga, pengkaji akan cuba membandingkan konsep sunnah ini dengan beberapa teori yang berkaitan iaitu antaranya teori daripada pengkaji-pengkaji yang berkaitan bidang ini seperti Ibn Khaldūn, Arnold Toynbee dan Malik Bin Nabi. Perbandingan ini diperlukan bagi memperkukuhkan dapatan yang diperolehi daripada kajian terhadap Sunnah Allah ini. Menerusi data-data yang diperolehi di atas, pengkaji akan cuba menganalisis sebab-sebab yang boleh

membawa kepada tercetusnya akhlak tersebut. Ia bersesuaian dengan konsep Sunnah Allah itu sendiri yang antara lain berdiri di atas konsep sebab dan *musabbab* yang menunjukkan setiap perkara mempunyai sebab yang membawa kepada sesuatu perkara, di samping elemen-elemen pelengkap sebab tersebut seperti syarat dan *māniʿ* (penghalang sebab). Hasil analisis ini, pengkaji akan cuba membandingkannya dengan beberapa teori berkaitan pembentukan akhlak manusia yang telah sedia diuji bagi memperkukuhkan hasil dapatan. Seterusnya, pengkaji akan menganalisis peristiwa-peristiwa yang berlaku serta bagaimana interaksi masyarakat Arab zaman Rasulullah terhadapnya sehingga berlakunya perubahan dari sudut akhlak seterusnya membawa kepada kebangkitan sebuah tamadun baru di dunia. Dalam masa yang sama, pengkaji akan turut memfokuskan analisis terhadap usaha-usaha yang dilakukan oleh Rasulullah, iaitu manusia yang paling memahami Sunnah Allah dalam menggerakkan manusia pada ketika itu sehingga berlakunya perubahan seperti di atas. Walaupun pengkaji meletakkan fokus analisis kepada tamadun Arab zaman Rasulullah tetapi pengkaji akan meluaskan penelitian terhadap masyarakat Arab daripada sebelum perutusan Rasulullah sehinggalah saat kewafatan baginda. Pemilihan tempoh masa ini adalah disebabkan perjalanan Sunnah Allah sepertimana yang difahami daripada kajian kesusasteraan menunjukkan bahawa ia bermula sejak sebelum kelahiran sesuatu tamadun itu sendiri, di samping zaman Rasulullah itu sendiri dikira sebagai zaman perintis kepada perkembangan tamadun Islam seterusnya selepas itu. Selain itu, walaupun tempoh zaman ini dilihat sebagai zaman yang telah lama berlalu, tetapi dari sudut realitinya, fitrah dan tabiat asas manusia adalah bersifat tetap sepanjang masa menyebabkan kajian ini boleh diambil manfaat daripadanya oleh umat manusia pada hari ini. Di akhir kajian ini, pengkaji akan melakukan rumusan dan seterusnya mengemukakan suatu kaedah pembinaan akhlak manusia yang boleh menolak kepada kebangunan tamadun.

## 1.6. DEFINISI TAJUK

Tajuk untuk kajian ini ialah 'HUBUNGAN SUNNAH ALLAH DAN PEMBINAAN AKHLAK DALAM KEBANGUNAN TAMADUN : ANALISIS TERHADAP TAMADUN ARAB ISLAM ZAMAN RASULULLAH'. Secara umumnya tajuk ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama 'HUBUNGAN SUNNAH ALLAH DAN PEMBINAAN AKHLAK DALAM KEBANGUNAN TAMADUN'. Bahagian pertama ini bermaksud bahawa kajian ini memfokuskan kepada usaha mengenalpasti adakah terdapat hubungan antara Sunnah Allah dan pembinaan akhlak manusia yang membawa kepada kebangunan tamadun. Ia merupakan kajian baru yang cuba menjangkau kebiasaan perbincangan dalam tajuk berkaitan Sunnah Allah yang secara umumnya banyak berkisar dalam ruang lingkup hubungan selari antara akhlak dan kebangunan atau keruntuhan tamadun sahaja. Oleh kerana itu, kajian ini akan cuba mengenalpasti adakah terdapat sebarang proses yang menggerakkan pembinaan akhlak di sebalik Sunnah Allah ini. Ini adalah disebabkan berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa sunnah ini bukan sekadar suatu ketentuan yang bersifat selari seperti tersebut di atas, tetapi ia juga merupakan suatu perjalanan kehidupan manusia dengan peristiwa-peristiwa mengikut ketentuan Allah yang menolak kepada tujuan tertentu. Tujuan tersebut antara lainnya, adalah merujuk kepada akhlak yang membawa kepada kebangunan tamadun<sup>3</sup>. Menerusi dapatan ini, pengkaji cuba mengeluarkan kaedah pembangunan akhlak manusia yang berpotensi dan berkeupayaan untuk membina dan membangunkan tamadun manusia dalam erti kata yang sebenar. Manakala bahagian kedua, 'ANALISIS TERHADAP TAMADUN ARAB ISLAM ZAMAN RASULULLAH' bermaksud bahawa kajian ini akan menjadikan pembangunan tamadun masyarakat Arab

---

<sup>3</sup> Menurut perspektif Islam, iaitu pembangunan yang selari antara pembangunan kebendaan dan pembangunan rohani / *maknawi*

Islam pada zaman Rasulullah sebagai lapangan kajian berkenaan aplikasi kaedah pembinaan akhlak manusia pembina tamadun berdasarkan dapatan yang telah diperolehi daripada bahagian pertama tajuk kajian ini. Seterusnya pengkaji akan mengeluarkan suatu cadangan kaedah pembinaan akhlak berdasarkan analisis ini.

## 1.7. KAJIAN LITERATUR

Secara umumnya menerusi kajian literatur yang dijalankan, pengkaji membahagikan penelitian kepada beberapa aspek dan seterusnya mengenalpasti bahagian yang masih tidak disentuh dalam kajian-kajian terdahulu. Berdasarkan kepada penemuan tersebut maka pengkaji mendapati tajuk yang dikemukakan ini masih belum ada sebarang kajian berkenaannya. Berikut beberapa bahagian berkenaan bidang ini yang telah ditemui pengkaji:

### I. Sunnah Allah yang memfokuskan kepada tamadun:

Penulis mendapati terdapat beberapa penulisan berkenaan Sunnah Allah secara khusus berkaitan tamadun. Antara rujukan paling utama adalah tulisan Muḥammad Haishūr, bertajuk *Sunan al-Qurān Fī Qiyām al-Haḍārāt wa Suqūṭihā*. Ia merupakan cedokan daripada tesis peringkat sarjana beliau. Tulisan ini dilihat sebagai tulisan yang paling banyak memberikan panduan dalam kajian ini. Antara lain tulisan ini menjelaskan berkenaan konsep Sunnah Allah terhadap tamadun, persoalan tamadun, sunnah-sunnah berkaitan tamadun meliputi jatuh dan bangun tamadun itu sendiri. Kesemua sunnah yang dikemukakan beliau ini memberikan petunjuk kepada kepentingan akhlak serta membuka

jalan kepada maklumat berkaitan mekanisme pembentukan akhlak pembina tamadun menerusi konsep Sunnah Allah. Tulisan Dr. °Abd al-Karīm Zaidān, bertajuk *al-Sunan al-Ilāhiyyah Fī al-Umam wa al-Jamā'āt wa al-Afrād Fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* juga sarat dengan panduan untuk kajian ini. Secara umumnya tulisan ini menjelaskan perspektif Sunnah Allah berdasarkan bentuk-bentuk sunnah yang pelbagai, antaranya sunnah berkaitan sebab dan *musabbab* (akibat), sunnah terhadap golongan yang mengikut petunjuk hidāyah dan golongan yang mengingkarinya, *Sunnah al-Tadāfi'* (pertembungan antara kebenaran dan kebatilan), sunnah berkaitan ujian Allah, sunnah dalam usaha mendapatkan kejayaan di dunia dan akhirat, sunnah pemberian rezeki kepada hamba Allah dan sebagainya. Kesemua bentuk sunnah yang dikemukakan beliau mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan perlakuan manusia. Penjelasan ini secara tidak langsung menjurus kepada persoalan kriteria dan akhlak yang ditonjolkan Allah kepada manusia bagi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Seperkara yang amat ketara dalam tulisan ini adalah penulisan ini banyak menunjukkan kecenderungan sebenar penulis iaitu keinginan untuk menggerakkan umat Islam kepada gerakan '*Harakah Islāmiyah*' (gerakan Islam) bagi menegakkan semula kedaulatan Islam sebagai sebuah kerajaan yang melaksanakan sistem-sistem yang ditetapkan Allah. Secara umumnya, penulisan ini banyak memandu kajian ini terutama dalam aspek kriteria manusia yang berjaya menurut Sunnah Allah. Selain daripada itu, tulisan °Abd al-Salām Ibn Nasrillah al-Sharīf bertajuk '*Sunnatullah Fī °Iqāb al-Umam Fī al-Qurān al-Karīm*', juga merupakan penulisan yang agak fokus berkenaan penjelasan Sunnah Allah mengenai tamadun manusia. Penulisan ini hanya memfokuskan berkaitan persoalan *Sunnah al-°Iqāb* (sunnah hukuman). Walaupun begitu, ia turut memberi maklumat yang kukuh berkaitan persoalan akhlak yang cuba difokuskan pengkaji dalam kajian ini. Selain daripada itu, penulis juga merujuk tulisan-tulisan berkaitan tamadun yang